

ASEAN perlu buat penyesuaian dasar

UM 28 JUN 2001

Oleh NORAINI ABD. RAZAK

KUALA LUMPUR 27 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara ASEAN perlu membuat penyesuaian dasar bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang sebahagian besar dijangka mengalir masuk ke China.

Menurut Perdana Menteri, kedudukan China sebagai lokasi pelaburan akan meningkat sebaik sahaja negara itu diterima sebagai ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kerana ia memiliki penduduk yang ramai dengan kos buruh yang murah.

“Ada kemungkinan itu kerana China mempunyai penduduk seramai 1.3 bilion yang kuat bekerja dan mempunyai lebih tenaga, tetapi negara-negara Asia Tenggara harus belajar hidup dengan kenyataan tersebut dan membuat penyesuaian yang diperlukan,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengadakan dialog di Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke-10 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya semua FDI beralih ke China pun, negara-negara Asia Tenggara masih berpeluang kerana China sendiri mungkin berminat untuk membuat pelaburannya di negara serantau.

“Sebagai contoh, FDI dari China mungkin mahu datang ke Malaysia kerana kita mempunyai beberapa aset dan kepakaran yang mereka tidak ada.

“Jadi walaupun kita bimbang, kita seharusnya membuat penyesuaian,” kata Dr. Mahathir.

Menurutnya, negara-negara Asia harus memperlahankan rentak dalam mengguna pakai idea-idea baru dari Barat kerana ia tidak semestinya baik untuk dilaksanakan.

“Bila satu idea mula diterima, sebahagian besar daripada

penggunaan idea itu cenderung untuk meningkatkan nilai atau menokok tambah.

“Asia harus menjadi seumpama penapis kepada idea-idea baru, perlu memperlahankan perubahan pantas yang dipaksa untuk diterima oleh dunia,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, Malaysia mesti bebas menentukan masa depannya sendiri dalam era globalisasi untuk mengelakkan penjajahan semula.

Menurut Perdana Menteri, pengalaman dijajah selama lebih 450 tahun sudah mencukupi dan Malaysia tidak mahu sekali lagi menjadi mangsa globalisasi yang disifatkan se-

bagai era kolonialisme agung kedua.

“Kami mesti bebas untuk menentukan masa depan kami sendiri dan berharap rakan-rakan yang menghormati kebebasan memberikan apa yang selalu dituntut dan dikehendaki oleh mereka sendiri,” katanya.

Dr. Mahathir mengakui bukan mudah bagi negara-negara membangun untuk menentukan arah tujuannya sendiri terutamanya apabila banyak negara kini menjadi hamba hutang.

“Banyak negara menjadi hamba hutang atau tertakluk kepada peraturan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) atau syarat-syarat yang ditetapkan

tarik FDI

keuntungan bersama dan mewujudkan dunia yang lebih penyayang dan bersimpati.

Perdana Menteri meletakkan cabaran kebebasan berfikir sebagai paling asas dan tidak mudah dilalui kerana menurutnya, banyak orang gembira untuk berfikir bagi pihak negara-negara membangun.

Katanya, untuk bersandar kepada kebenaran dalam era globalisasi juga tidak mudah terutamanya apabila banyak syarikat korporat besar menyembunyikan cita-cita mereka untuk “melahap” negara-negara membangun.

“Pakar globalisasi memberitahu kita mengenai keuntungan perdagangan. Kenapa tidak mereka juga memberitahu kita mengenai “kesakitan perdagangan”.

“Kenapa mereka tidak memberitahu beberapa pedagang mata wang memperoleh berbilion sedangkan berjuta rakyat kehilangan pekerjaan, subsidi beras dan minyak?” soal Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir percaya setiap cabaran yang disentuhnya itu dapat diatasi melalui lima strategi penting yang perlu dilaksanakan oleh negara-negara membangun.

Beliau menamakan strategi berkenaan sebagai prinsip kewarasan, kesediaan, mengambil bahagian, tanggungjawab dan kesungguhan.

Perdana Menteri yakin, prinsip kewarasan merupakan strategi paling penting untuk membezakan antara kesan baik dan buruk yang dibawa masuk oleh globalisasi ke negara-negara membangun.

“Kita tidak boleh mengetepikan kebaikan-kebaikan globalisasi seperti juga kita tidak boleh mengikut membuta tuli keburukan-keburukannya kerana berbuat demikian adalah tidak rasional,” katanya.

oleh Bank Dunia atau bergantung kepada bantuan negara-negara maju.

“Bagi negara-negara ini yang tidak lagi boleh menentukan apa yang mereka boleh buat untuk rakyat, amaran saya, gesaan saya ini, mereka sudah terlambat,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggariskan lima cabaran dan lima strategi penting yang perlu dijadikan panduan oleh negara-negara membangun bagi menghadapi era globalisasi.

Katanya, negara-negara membangun akan menghadapi cabaran untuk berfikir secara bebas, menegakkan kebenaran, memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan, mendapatkan